



## Dari Meja Pengerusi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Sempena tahun baru 2012, saya ingin mengucapkan selamat tahun baru. Semoga tahun 2012 ini semua perancangan kita dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.

Sehubungan dengan itu Koperasi dalam masa yang sama akan cuba meningkatkan pendapatan melalui projek-projek dan juga sewaan bangunan, pajakan tanah dan pembangunan hartanah atau tanah Koperasi. Keuntungan-keuntungan ini akan kita bahagikan kepada anggota-anggota koperasi. Segala komitmen terhadap anggota, peruntukan-peruntukan kepada anggota akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Adalah menjadi tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh anggota kepada saya sebagai Pengerusi untuk memastikan KTMSAB ini ditadbir dengan baik. Dengan disiplin, komitmen dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab ianya tidak mustahil dapat meningkatkan perolehan Koperasi dan seterusnya meningkatkan keuntungan Koperasi dan Subsidiari Lembaga Pengarah dan pengu-rusan mempunyai kesepaduan dari aspek matlamat dan cara bertindak dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab maka segala perancangan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.



>>Ir. Mansor Musa

## UBAHSUAI OFIS

>>Che Maimunah Kassim

Pejabat Koperasi Tunas Muda sedang dalam proses pengubahsuaian dalam masa dua bulan mulai 1 November 2011. Kini telahpun mencapai tahap 95% siap dan dianugerahkan kerja kepada subsidiari Koperasi iatu Sri Tunas Sdn. Bhd. Kos keseluruhan pengubahsuaian lebih kurang RM200,000.00.

Impian anggota Koperasi untuk memiliki bangunan sendiri telahpun tercapai apabila terbinanya bangunan pejabat Koperasi Tunas Muda yang mula beroperasi pada 15 Januari 2005. Bangunan Koperasi ini dapat menempatkan subsidiari-subsidiarinya di bawah satu bumbung.

Setelah hampir 7 tahun beroperasi, warnanya telahpun pudar Melalui penyelidikan dan pembangunan, Pengurusan berpendapat Koperasi wajar mempunyai suasana tempat kerja yang lebih berinspirasi dan 'presentable'. Bangunan perlu dicat semula dan kemas dalam ruangan diubahsuai bagi mezhahirkan imej mesra pelanggan.

Wajah Pejabat Pengerusi dilihat lebih 'mesra pelanggan' dengan kemas yang anggun dan bersedia menerima kunjungan tetamu yang ingin berurusan dengan beliau

>>Ahmad Jasmi Ghazali



Insya-Allah, apabila pejabat ini siap sepenuhnya, gotong royong membersihkan pejabat dan mengemas semula akan diadakan

## DURIAN RUNTUH AWAL JANUARI 2012

Awal Januari 2012 membawa kegembiraan kepada semua Anggota Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad. Sumbangan khas 2012 sebanyak RM1,000.00 seorang telah dimasukkan ke dalam akaun masing-masing mulai 03 Jan 2012. Syukur, sekurang-kurangnya dapat juga menampung pembelian perkakas dan persekolahan anak cucu.

Manakala bagi yang merayakan Tahun Baru Cina turut mendapat duit raya RM1,000.00 seorang yang juga dimasukkan ke akaun masing-masing pada 16 Januari 2012.

Selamat Tahun Baru 2012 dan Selamat Tahun Baru Cina.

Lembaga dan Pengurusan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mengucapkan Gong Xi Fa Cai kepada semua anggota cina koperasi.

**SELAMAT TAHUN BARU CINA**  
Dengan Ingatan Tulus Ikhlas



  
Ir. Mansor Musa  
Pengerusi

  
Dr. Rahmad Zakaria  
Setiausaha

  
Zainal Abidin Ahmad  
Bendahari

Menarik Di Dalam  
Sertailah

**Kuiz Buletin Koperasi**

3 hadiah menanti  
anggota untuk  
dimenangi

Tarikh tutup  
penyertaan  
**16 Mac 2012**



## ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH



### SENARAI ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohammad (0946)
5. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
6. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
7. Encik Yong Chin Foo (1716)
8. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
9. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
10. Encik Rameli bin Budin (2693) PJK
11. Encik Razak bin Maidin (2127) PJM
12. Encik Sabri bin Abdul Rani (2652)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2011/2012

1. Puan Hajjah Syarifah Chik binti Syed Abdullah (0090)
2. Encik Abdul Rahim bin Abdul Razak (2330)
3. Encik Ibrahim bin Yahaya (2086)
4. Tuan Haji Adam bin Omar (2686) PPN; PJK; PJM
5. Encik Roslan bin Abd. Hamid (2687)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA (EXCO) 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
4. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohammad (0946)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
4. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohammad (0946)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KAWALAN KUALITI PROJEK KTMSAB

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK
2. Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman
3. Encik Rameli bin Budin PJK (2693)
4. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
5. Encik Sabri bin Abdul Rani (2652)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL SEBUTHARGA TAHUN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL TENDER TAHUN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA TAHUN 2011/2012

1. Encik Rameli bin Budin (2693) PJK - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Tuan Haji Md. Hassan bin Zakaria (0011)
4. Encik Nadarajan a/l Muniandy (0807)
5. Encik Choo Choon Huah (1651)
6. Tuan Haji Aboo Bakar bin Mohamad Yusoff (0639)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PERUMAHAN ANGGOTA TAHUN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1716)
4. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani (2078)
5. Tuan Haji Abdul Aziz bin Yahaya (1064) PJM

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL KAWALAN BANGUNAN DAN PENGUSAHA DI ATAS TANAH KTMSAB TAHUN 2011/2012

1. Encik Rahmad bin Zakaria (2379) - Pengerusi
2. Encik Sabri bin Abdul Rani (2652)
3. Encik Johari bin Din (2673)
4. Encik Hong Soo Yang (2046)
5. Encik Mohamad Noor bin Ishak (1372)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL HUTANG PIUTANG TAHUN 2011/2012

1. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Pengerusi
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Encik Tan Seng Chong (2485)
4. Tuan Haji Jamil bin Ishak (1803)
5. Encik Abdul Jalil bin Che Mamat (2557)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN WANITA TAHUN 2011/2012

1. Puan Hayati Binti Dato' Ismail (2539) - Pengerusi
2. Puan Zaini binti Taib (2185)
3. Puan Pauziah binti Ismail (2365)
4. Puan Pheh Ah Nya (1824)
5. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
6. Puan Siti Fatimah binti Mat (1942)
7. Puan Norsiah @ Nooriah binti Bakar (1335)
8. Puan Azinee binti Abu Bakar (2487)
9. Puan Mariani binti Mat Tasar (2587)
10. Puan Sharipah binti Ariffin (1347)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENDIDIKAN DAN LATIHAN TAHUN 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Puan Mendarbi bin Mydeen Meerana (1328)
4. Puan Rosiah binti Yusoff (2536)
5. Puan Jamalah binti Shaik Mohamed (2596)

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL DISIPLIN ANGGOTA 2011/2012

1. Ir. Mansor bin Musa (2176) PKT; PJK - Pengerusi
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379)
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
4. Encik Razak bin Maidin (2127) PJM
5. Encik Ibrahim bin Yahaya (2086) - (JAD)
6. Encik Choo Choon Huah (1651)

# PROGRAM LATIHAN MKM BAGI BULAN FEBRUARI HINGGA MEI 2012

## PENDIDIKAN

>> Aisyah Abd Aziz

BIL	KOD/NAMA/KATEGORI KURSUS	OBJEKTIF KURSUS	SASARAN PESERTA	TARIKH / TEMPOH KURSUS
1	IDT 401 Asas Penggunaan Komputer	Memberi pendedahan dan teori asas tentang penggunaan komputer.	Anggota Lembaga Koperasi AJK Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Kakitangan Koperasi Individu yang berminat	13-15/02/2012 (3 hari)
2	IDT 402 Asas Penggunaan Internet	Memberi kefahaman dan teori asas tentang internet.  Memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang penggunaan dan kelebihan internet	Anggota Lembaga Koperasi AJK Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Kakitangan Koperasi Individu yang berminat	20-22/02/2012 (3 hari)
3	IDC 301 Kemahiran Kepimpinan Koperasi	Memberi kefahaman dan kepentingan kemahiran kepimpinan.  Memberi pengetahuan tentang aspek dan teknik membentuk kepimpinan yang berkesan.	Anggota Lembaga Koperasi AJK Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Kakitangan Koperasi	26-29/03/2012 (4 hari)
4	IDB 221 Strategi Memenangi Pelanggan	Memberi kefahaman tentang elemen kemahiran memenangi pelanggan.  Memberi pengetahuan tentang bagaimana membentuk strategi yang betul dalam memenangi pelanggan.	Anggota Lembaga Koperasi AJK Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Kakitangan Koperasi Individu yang berminat	19-21/03/2012 (3 hari)
5	IDB 702 Keusahawan Dalam Sektor Perkhidmatan Restoran dan Katering	Memberi pendedahan asas tentang perniagaan dalam sektor keusahawanan.  Membuka peluang perniagaan dalam perkhidmatan restoran dan katering.	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi  AJK Kecil	09-12/04/2012 (4 hari)
6	IDB 225 Jurujual Hebat	Memberi pendedahan asas tentang perniagaan dalam sektor keusahawanan.  Memberi pengetahuan dalam strategi untuk menarik pelanggan dalam perniagaan.	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi  AJK Kecil	16-18/04/2012 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi **Encik Mohamad Yusoff** untuk keterangan lanjut di talian **604- 6438515**

# INFO PEMBANGUNAN HARTANAH >>Mohammad Abidi Shaffie



**Cadangan Pembinaan 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana Tunas Residensi, 19 Tingkat (100) Fasa 7 Berserta Kemudahan Di atas Lot 3563, Taman Tunas Muda, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Jalan Dato' Ismail Hashim, Bayan Lepas, Penang.**

Projek telah dimulakan pada 1 Disember 2011, buat masa ini kerja di aras bumi sedang giat dijalankan. Perasmian untuk jualan masih belum dilakukan tetapi pendaftaran untuk projek ini telah melebihi daripada jumlah unit.

**Projek Perumahan Relau Pagar Buluh Fasa 1A (Pangsapuri Idaman Iris) Cadangan Pembinaan 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana, 1 Hingga 20 Tingkat Kemudahan Dan 4 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Berjumlah 448 Unit.**

Projek telah bermula pada 4 Ogos 2009 dengan melibatkan tanah sebanyak 4 ekar. Buat masa ini, kemajuan projek telah mencapai 65% dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2012. Jualan bagi projek ini telah habis dijual sepenuhnya.

**Projek Perumahan Relau Pagar Buluh Fasa 1C (Rumah Pangsa Idaman Melur). Cadangan pembinaan 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 650 K.P 280 Unit.**

Pembangunan projek melibatkan tanah seluas 1.5 ekar, kerja pembinaan bangunan telah siap 100% manakala Sijil Layak Menduduki(OC) dijangka diperolehi pada bulan April 2012. Projek telah dapat keseluruhan senarai nama daripada pihak Kerajaan Negeri.

**Projek Penempatan Semula Jalan Tengah Fasa 7A**

Projek terletak di Jalan Tengah, Sungai Ara, Pulau Pinang dengan keluasan 3 ekar, dan merupakan salah satu projek perumahan untuk peruntukan kepada anggota koperasi yang terdiri daripada 26 unit rumah berkembar 2 tingkat, 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat dan sebuah bangunan pencawang elektrik. Kerja-kerja pembinaan bangunan telah 100% siap. Sijil Kelayakan Menduduki (OC) telah diperolehi pada 23 Dis 2011.

**Projek Perumahan Kampung Perlis Fasa 1. Membina 20 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, 50 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Dan Tapak Untuk 31 Unit Lot Banglo Di Atas Sebahagian Lot 8009 (Sebelum Ini 2368).**

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas kurang 12 ekar tanah. Projek ini merupakan peruntukan untuk anggota koperasi. Kerja pembangunan telah siap sepenuhnya dan jangkakan Sijil Kelayakan Menduduki (OC) akan diperolehi sebelum pertengahan bulan Jun 2012.

## INFOMASI PERUMAHAN KOS RENDAH

### Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 setahun.
5. Pemohon (suami / isteri) belum memiliki rumah

*Maklumat lanjut dan borang diperolehi di Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Komtar, Pulau Pinang. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 604-262 1957 ext: 5373*

## SANA SINI >>Norfaizah Khairina Jusoh



**AMBIL KUNCI RUMAH PERUNTUKAN PADA 24 SEPTEMBER 2011 YANG DIADAKAN DI PANSAPURI IDAMAN LAVENDER.**

"Alhamdulillah..." Pengerusi KTMSAB, Ir. Mansor dan ahli lembaga sedang memberikan plat kunci kepada salah seorang anggota.



**LAWATAN MKM CAWANGAN UTARA KE KTMSAB**

"Hebat...." KTMSAB menerima kunjungan rombongan daripada Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Utara Alor Setar bersama-sama Koperator-Koperator wilayah utara pada 16 Nov 2011.

**TANDATANGAN PERJANJIAN JUAL BELI DAN CABUTAN UNDI**

"Anak anggota gembira...." berlangsungnya majlis menandatangani perjanjian jual beli dan cabutan undi unit (rumah pangsa Idaman Melor) di pejabat KTMSAB pada 12 Julai 2011



**CABUTAN UNDI BERTUAH KUIZ BULETIN 1/2011**

Cabutan undi bertuah telah dijalankan pada 4 Julai 2011 di Pejabat Koperasi dan dibuat pengundian oleh Ketua Pengarang serta cabutan dicabut oleh Lembaga Pengarah



**PELANCARAN BLUEPRINT FRANCHISE PERINGKAT NASIONAL**

"Khusyuk....." peserta-peserta mendengar taklimat daripada Menteri Koperasi sempena pelancaran BLUEPRINT FRANCHISE PERINGKAT NASIONAL pada 10 Januari 2012 bertempat di PWTC Kuala Lumpur



**PEMBERIAN ZAKAT 2011**

Pemberian zakat 2011 berlangsung pada 12 Ogos 2011 bertempat di perkarangan Masjid Al-Huda Sungai Ara.

**PEMENANG KUIZ BULETIN 1/2011**

"Tersenyum....." dua daripada tiga anggota yang bertuah menjawab dan memenangi kuiz buletin 1/2011 diberikan hadiah sebanyak RM100 oleh Tuan Pengerusi KTMSAB pada 21 Julai 2011



>>Ahmad Jasmi Ghazali

>>Ahmad Jasmi Ghazali

## RANGKAIAN PERNIAGAAN

>> Norfaizah Khairina Jusoh

### Perusahaan Kecil & Sederhana dan Pengusaha Kuih Maruku

Untuk tempahan, sila hubungi Siti Fatimah bt Mat di talian **604-6446835** untuk maklumat lanjut.

### HOMESTAY ARA IMPIAN

Ingin menyewa bilik atau rumah untuk semalaman atau sebulan, Homestay Ara Impian menyediakan sewa bilik atau rumah sila hubungi Ahmad Nizam untuk keterangan lanjut di talian **019-4730306**



Sedia menerima tempahan untuk sebarang majlis keraian. Menyediakan kuih Tart rasa seperti coklat, strawberry, cheese, telur dan blackcurrant.

Sila hubungi Pn.Marlioni binti Ramli ( Kak Yani ) di talian **019 - 4410898**

## Perkhidmatan Catering

Untuk tempahan, sila hubungi Pauziyah binti Ismail di talian **017-4406839** untuk maklumat lanjut.



### Pengedar Kuih Peneram

Untuk tempahan, sila hubungi Zaini binti Bakar di talian **012-4809698** untuk maklumat lanjut.



Gunting disini

## Borang Penyertaan Kuiz Buletin Koperasi 2/2012

>> Rameli Budin

Nama Penuh (seperti tertera di K/P): \_\_\_\_\_

No Anggota: \_\_\_\_\_

No. Telefon: \_\_\_\_\_

Sila tandakan ( / ) pada kotak bagi jawapan yang betul.

(Tarikh tutup penyertaan : 16 Mac 2012 )

- Mesyuarat Agung Koperasi yang akan diadakan pada tahun 2012 adalah Mesyuarat agung Koperasi kali ke 40.  Ya  Tidak
- Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mempunyai 12 orang ahli Lembaga Pengarah sepertimana yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil (UUK) dan persetujuan mesyuarat Agung.  Ya  Tidak
- Semua anggota koperasi boleh mendapatkan maklumat terkini koperasi dengan melayari laman sesawang [www.tunasmuda.com.my](http://www.tunasmuda.com.my).  Ya  Tidak
- Pejabat Koperasi beroperasi seperti biasa pada hari Sabtu (waktu pejabat) kecuali hari Sabtu minggu pertama dan ketiga serta cuti umum.  Ya  Tidak
- Pelopor Rochdale adalah pengasas Gerakan Koperasi Moden Dunia yang pertama.  Ya  Tidak

Jawapan Kuiz Buletin Koperasi 1/2011

1. Ya 2. Ya 3. Ya 4. Ya 5. Ya

Pemenang Kuiz Buletin Koperasi 1/2011

- Halimah Bt Bidin ( 2591)
- Abd Malik B. Mat (2576)
- Mohamed Nor B. Ahmad (0436)

Hadiah telah disumbangkan oleh syarikat JUMA Maju Sdn Bhd (kontraktor yang menjalankan kerja-kerja binaan kepada Koperasi)

## Terma dan Syarat

- Kuiz ini terbuka kepada anggota kecuali Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman dan Ahli Jawatankuasa Kecil.
- Setiap borang penyertaan kuiz hendaklah sampai ke Pejabat Koperasi pada atau sebelum 16 Mac 2012.
- Sila jawab semua soalan yang diberikan.
- Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang penyertaan yang hilang atau kesilapan alamat.
- Pihak penganjur telah menyediakan 3 hadiah berupa RM100.00 setiap satu untuk dimenangi oleh 3 penyertaan/anggota.
- Borang kuiz penyertaan yang difotokopi tidak akan diterima.
- Proses pengundian akan dijalankan bagi memilih 3 orang pemenang jika terdapat banyak penyertaan beserta jawapan yang betul.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui surat/telefon.

# BANTUAN KEBAJIKAN AM (KHAIRAT KEMATIAN) RM2,500/ANGGOTA MULAI MEI HINGGA DISEMBER 2011

## AI-FATIAH / TAKZIAH

>>Sazwani Sabdin

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL
1	Ramli Bin Chin	1615	57	27.05.2011
2	Jamaliah Binti Ismail	1967	68	06.06.2011
3	Ahmad Bin Ibrahim	2039	61	10.06.2011
4	Wan Zaleha Binti Md Yunus	1643	56	14.06.2011
5	Che Bulat Binti Hassan	0109	85	16.06.2011
6	Mat Esa Bin Senapi	0497	71	23.07.2011
7	Bebe Binti Hassan	1721	78	20.08.2011
8	Hamidah Binti Awang	2733	59	02.09.2011
9	Ahmad Bin Hanafi	0007	88	31.08.2011
10	Othman Bin Abdullah	0824	69	10.09.2011
11	Ismail Bin Omar	1362	68	15.09.2011
12	Mohamed Yusoff Bin Ismail	0960	72	19.09.2011
13	Sunatul Saadiah Binti Abdul Rahim	2609	72	01.09.2011
14	Awang Bin Che Ya @ Din Bin Yahaya	0906	69	26.09.2011
15	Yang Binti Mat	1524	83	27.09.2011
16	Zaleha Binti Yusoff	1785	61	24.10.2011
17	Lee Chin Guan	0626	83	24.10.2011
18	Zainol bin Jasin	1043	71	14.12.2011

## SUDUT IT >>Aisyah Abd Aziz

Wi-Fi merupakan singkatan daripada Wireless Fidelity dimana istilah ini telah diberikan secara rasmi oleh WECA (Wireless Ethernet Compatibility Alliance). Wi-Fi mula diperkenalkan menerusi produk-produk tanpa wayar pada penghujung tahun 1998. Penggunaan Wi-Fi adalah merujuk kepada sistem rangkaian pautan tanpa wayar yang menggunakan hubungan jalurlebar, titik capaian (access point) dan kad Wi-Fi yang di install didalam komputer bagi membolehkan pengguna berkongsi fail dan pencetak serta melayari Internet sama seperti rangkaian LAN biasa.

Wi-Fi Hotspot merujuk kepada satu kawasan khas dimana titik capaian disediakan bagi membolehkan pengguna dihubungkan ke Internet menerusi isyarat gelombang Wi-Fi. Biasanya pengguna-pengguna ini menggunakan komputer jenis mudah alih seperti notebook. Pada masa ini, Wi-Fi Hotspot boleh didapati di lapangan terbang, hotel, kafe-kafe utama seperti Starbucks Coffee dan tempat-tempat tumpuan umum seperti kompleks membeli belah dan pusat rekreasi. Hubungan Wi-Fi boleh dilakukan dalam jarak sehingga 300 kaki dari lokasi Hotspot tersebut.

Penggunaan Wi-Fi memberi banyak kelebihan. Antaranya memudahkan pengguna bekerja secara outstation dan di luar kawasan pejabat misalnya, di hospital dan di gudang. Selain itu, Teknologi Wi-Fi menyediakan lebar jalur yang besar, oleh itu perpindahan data dapat di lakukan dengan pantas. Penyelenggaraan perkakasan juga mudah kerana tiada wayar atau kabel yang digunakan. Dengan adanya teknologi ini, dapat mendidik masyarakat menggunakan peranti tanpa wayar seperti PDA dan telefon mudah alih.



**Ketua Pengarang**  
**Pengarang & Grafik**  
**Pemberita**  
**Pemberita**  
**Pemberita**  
**Pemberita**  
**Percetakan Pengedaran**  
**Jurugambar**

## SIDANG PENGARANG

: Encik Rameli B. Budin PJK  
: Encik Mohd Hilmi B. Rashid  
: Puan Hajjah Che Maimunah Bt Kassim  
: Puan Sazwani Bt Sabdin  
: Cik Norfaizah Khairina Bt Jusoh  
: Puan Aisyah Bt Abd Aziz  
: Encik Mohammad Abidi B. Shaffie  
: Encik Mohamad Yusoff B. Ismail  
: Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

### Tip dan Info

### Kata Pujangga

*Bersahabat dengan  
orang jahat seperti  
berperahu di laut.  
Sungguhpun  
selamat daripada  
tenggelam, tetapi  
tidak terlepas  
daripada rasa takut.*

>>Rameli Budin



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

**KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD**

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.  
Tel: 604-6438 515 Fax: 604-6437 507